

16 JAN 1992

Kesal mereka merungut setelah kembali

Luth nasihat bakal haji lapor masalah

KUALA LUMPUR, Jumaat — Jemaah-jemaah haji Malaysia yang menghadapi sebarang masalah di Mekah digesa segera mengadu kepada pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) di sana bagi memudahkan LUTH menyelesaikan masalah mereka.

Bagaimanapun, LUTH menyedari setengah-setengah jemaah haji yang enggan membuat aduan sebaliknya "berbuit bising" dan melemparkan berbagai tuduhan terhadap LUTH bila kembali ke tanahair.

Pengerusi LUTH, Datuk Haji Mohd.

Shamsuddin Haji Mohd. Yaacob berkata hari ini, pihaknya tidak dapat berbuat apa-apa jika jemaah haji sendiri enggan membuat aduan selaras dengan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi.

"Sebagai contoh, pada musim haji tahun lalu, hanya dua atau tiga orang sahaja jemaah haji yang sanggup tampil ke hadapan membuat aduan kepada LUTH di sana.

"Masalah mereka ini dapat diatasi dengan serta merta melalui tindakan segera oleh pihak yang bertang-

gungjawab.

"Tetapi terdapat juga jemaah haji yang bila balik ke tanahair, barulah mereka buat bising dan tuduhan dilemparkan kepada Tabung Haji," katanya ketika berucap di upacara meletakkan batu asas bangunan baru Ibu pejabat LUTH di sini hari ini.

Upacara ringkas tetapi bersejarah itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bangunan setinggi 38 tingkat yang menelan belanja \$80 juta itu dijadualkan siap sebelum akhir tahun 1985.

Selanjutnya, Datuk Haji Mohd. Shamsuddin menjelaskan pihaknya sentiasa berunding dan bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa Arab Saudi dalam usaha meningkatkan perkhidmatannya untuk jemaah haji.

Menurutnya, kerajaan Malaysia yang diberikan oleh pihak berkuasa Arab Saudi adalah amat memuakan tetapi malangnya hanya segolongan kecil sahaja jemaah haji yang sanggup membuat aduan bila menghadapi masalah tertentu.

"Sekiranya jemaah haji tidak sanggup

membuat aduan, pihak Tabung Haji tidak boleh berbuat apa-apa kerana mengikut undang-undang di sana, jemaah haji sendiri hendaklah tampil ke hadapan membuat aduan," jelasnya.

Bellau menambah setakat ini tidak pernah berlaku kejadian di mana jemaah haji Malaysia yang menunaikan haji melalui LUTH terkandas atau kelaparan.

Tuduhan

Tambahnya, bila seseorang jemaah haji kehabisan wang, LUTH mempunyai peruntukan bagi memberi pinjaman wang kepada mereka melalui tabung kebajikan.

Bellau berkata sejumlah \$50,000 telah dikeluarkan bagi membantu jemaah haji yang menghadapi masalah kewangan sepanjang tahun lalu.

Datuk Haji Mohd. Shamsuddin juga berkata Unit Pengurusan dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU) di Jabatan Kerja mengemukakan syorinya kepada LUTH bagi membaiki perkhidmatan lembaga itu tidak lama lagi.